

## Kepada Semua Warga Asing yang Menetap di Jepun

Mulai 9 hari bulan Julai 2012:

Kerajaan Jepun memperkenalkan satu sistem pengurusan penduduk yang baru, maka dengan itu, Kad Penduduk akan dikeluarkan.

(Sistem Pendaftaran Warga Asing akan dimansuhkan.)

### Pengeluaran Kad Penduduk

- Siapa yang dikenakan sistem ini: Kad Penduduk akan dikeluarkan kepada mereka (warga asing) yang menetap di Jepun yang telah diberikan status penduduk dan mendapat tempoh tinggal lebih daripada tiga bulan.
  - Kad Penduduk tidak akan dikeluarkan kepada mereka (warga asing) yang memegang status Pelawat Sementara atau mereka (warga asing) yang memegang status Rasmi atau Diplomat.
  - Bagi penduduk tetap istimewa, Sijil Penduduk Tetap Istimewa akan dikeluarkan sebagai ganti Kad Penduduk.
- Maklumat yang didedahkan: Selain gambar (bahagian muka sahaja) maklumat seperti nama, kerakyatan/daerah, tarikh lahir, jantina, status menetap di Jepun, tempoh tinggal dan kebenaran bekerja akan ditunjukkan pada kad tersebut.
- Tempoh sah:

	Berumur 16 tahun atau lebih	Berumur di bawah 16 tahun
Penduduk tetap	Tujuh tahun dari tarikh dikeluarkan	Sehingga tarikh lahir yang ke-16 tahun
Selain daripada penduduk tetap	Sehingga tamat tarikh tempoh tinggal	Sehingga tamat tarikh tempoh tinggal atau tarikh lahir ke-16 tahun, yang mana satu dialami dulu

- Tempat dikeluarkan:
  - Pejabat Imigresen Daerah: Mulai 9 hari bulan Julai 2012, Kad Penduduk akan dikeluarkan di Lapangan Terbang Narita, Haneda, Chubu dan Kansai kepada mereka yang memasuki Jepun, yang memegang status penduduk dari jangka tempoh sederhana hingga jangka tempoh panjang. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang memasuki Jepun melalui pelabuhan jalan masuk dan keluar yang lain, Kad Penduduk akan dikirimkan melalui Mel Berdaftar Mudah ke alamat tempat tinggal yang dilaporkan ke pejabat majlis perbandaran setelah masuk ke Jepun. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, sila hubungi Biro Imigresen Kawasan itu, Pejabat Imigresen Daerah atau Pejabat Cawangan.
- Sehingga bilakah tarikh Sijil Pendaftaran Warga Asing mesti ditukarkan kepada Kad Penduduk?
  - Bagi satu tempoh tertentu sehingga Kad Penduduk dikeluarkan, Sijil Pendaftaran Warga Asing akan dianggap sama dengan Kad Penduduk bagi tujuan pemberitahuan perkara-perkara berhubung dengan kediaman atau prosedur-prosedur di Pejabat-pejabat Imigresen Kawasan. Adalah tidak perlu untuk menukar Sijil Pendaftaran Warga Asing kepada Kad Penduduk dengan kadar serta merta.

- Kad Penduduk yang baru akan dikeluarkan di Pejabat Imigresen Kawasan apabila kebenaran untuk memperpanjang tempoh tinggal dan sebagainya diluluskan.
- Penduduk tetap yang berumur 16 tahun atau 16 tahun ke atas adalah dikehendaki menukar Sijil Pendaftaran Warga Asing kepada Kad Penduduk tidak lewat daripada 8 hari bulan Julai 2015\*. Penduduk tetap yang di bawah umur 16 tahun pula mesti berbuat demikian-tidak lewat daripada 8 hari bulan Julai 2015 atau menjelang tarikh lahir mereka yang ke-16 tahun, yang mana satu dialami dulu.
 

\*Peringatan: Penduduk-penduduk yang memegang status Kegiatan-kegiatan Terpilih dan mendapat tempoh tinggal selama empat tahun atau lima tahun juga dikehendaki menukar Sijil Pendaftaran Warga Asing kepada Kad Penduduk tidak lewat daripada 8 hari bulan Julai 2015.
- Apakah yang lebih mudah atau senang?
  - Mereka yang meninggalkan negara Jepun dengan pasport dan Kad Penduduk akan, secara prinsipnya, tidak diperlukan untuk memohon Kebenaran Masuk Semula ke negara Jepun apabila mereka masuk semula ke Jepun dalam jangka tempoh satu tahun dan sebelum tempoh tarikh tinggal mereka tamat\*. Sistem ini dinamakan Sistem Kebenaran Masuk Semula Istimewa. Walau bagaimanapun, penduduk yang gagal masuk semula ke negara Jepun dalam jangka tempoh yang diluluskan akan kehilangan status penduduk mereka. Dan lagi, sila ambil perhatian bahawa jangka tempoh sahnya tidak boleh diperpanjang semasa berada di luar negara Jepun.
 

\*Peringatan: Dalam hal penduduk tetap istimewa, Kebenaran Masuk Semula Istimewa adalah untuk mereka yang masuk semula ke Jepun dalam jangka tempoh dua tahun.

## **Sijil Menetap**

Penduduk warga asing yang layak menerima Kad Penduduk atau Sijil Penduduk Tetap Istimewa akan memiliki Sijil Menetap yang disediakan oleh majlis perbandaran tempatan kawasan di mana mereka tinggal, seperti mana yang diuruskan untuk rakyat Jepun.

- Butir-butir yang ditunjukkan:

Sijil Menetap untuk warga asing akan mendedahkan maklumat peribadi seperti nama, tarikh lahir, jantina dan alamat serta butir-butir yang tertentu bagi warga asing seperti kerakyatan/daerah, status penduduk dan jangka tempoh tinggal di Jepun.
- Salinan Sijil Menetap akan dikeluarkan:

Warga asing juga boleh mendapat satu salinan Sijil Menetap atau Sijil Butir-butir yang Tertulis dalam Pendaftaran Penduduk di kaunter pejabat majlis perbandaran tempatan, sama seperti rakyat Jepun.

\*Bagi maklumat selanjutnya berkenaan Sistem Pendaftaran Penduduk yang Asas, sila rujuk pautan berikut yang disediakan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam dan Perhubungan:

[http://www.soumu.go.jp/main\\_sosiki/jichi\\_gyousei/e-gyousei/zairyu.html](http://www.soumu.go.jp/main_sosiki/jichi_gyousei/e-gyousei/zairyu.html)

**Pemberitahuan atau prosedur-prosedur permohonan adalah diperlukan dalam kes-kes yang berikut:**

Kes-kes yang memerlukan pemberitahuan atau permohonan	Tempat untuk berurusan
<p>(1) Apabila telah memutuskan alamat tinggal yang baru, atau apabila menukar alamat.</p> <p>(Pemberitahuan Berpindah ke Alamat*, Pemberitahuan Menukar Alamat*, Pemberitahuan Berpindah dari Alamat**)</p> <p>*Sila bawa Kad Penduduk atau Sijil Penduduk Tetap Istimewa (atau Sijil Pendaftaran Warga Asing)</p> <p>**Anda dikehendaki menyerahkan terlebih dahulu borang Pemberitahuan Menukar Alamat kepada majlis perbandaran kawasan di mana anda tinggal sekarang sebelum berpindah ke kawasan lain.</p>	Majlis Perbandaran Tempatan
<p>(2) Apabila menukar nama, kerakyatan/daerah dan sebagainya.</p>	Pejabat Imigresen Kawasan
<p>(3) Apabila Kad Penduduk telah hilang atau rosak dan tidak boleh digunakan lagi.</p>	
<p>(4) [Penduduk Tetap dan mereka yang di bawah umur 16 tahun] Apabila Kad Penduduk akan tamat tempoh sahnyanya.</p>	
<p>(5) [Mereka yang memegang status bekerja (terdapat beberapa pengecualian), Penuntut dan Pelatih] Apabila syarikat majikan atau institut pendidikan anda menukar namanya atau lokasinya, atau dalam kes syarikat itu menjadi muflis, atau dalam kes kontrak kerja ditamatkan, atau dalam kes berlaku perubahan seperti penerimaan tawaran kontrak kerja yang baru.</p>	Sila bawa sendiri borang pemberitahuan ke Pejabat Imigresen Kawasan atau kirim melalui pos ke Biro Imigresen Daerah Tokyo.
<p>(6) [Mereka yang memegang status penduduk sebagai suami/isteri di bawah kategori Keluarga, Kegiatan-kegiatan yang Terpilih (C), Suami atau Isteri atau Anak Warga Jepun, atau Suami atau Isteri atau Anak Penduduk Tetap] Dalam kes penceraian atau kematian suami atau isteri.</p>	

**Pertanyaan dalam bahasa asing (bukan dalam bahasa Jepun):** Bagi mendapat maklumat selanjutnya, sila hubungi pejabat-pejabat di bawah.

<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pusat Maklumat Imigresen</b> Isnin hingga Jumaat: 8.30am — 5.15pm Tel: 0570-013904 (Bagi telefon IP, PHS, Panggilan Antarabangsa: 03-5796-7112)</li> </ul>	Bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Korea, bahasa Sepanyol, bahasa Portugis
<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>One-stop Centre bagi Bantuan Rundingan</b> Isnin hingga Jumaat: 9.00am — 4.00pm Pusat Bantuan Rundingan bagi Warga Asing (Shinjuku): 03-3202-5535 Pusat Rundingan bagi Warga Asing Saitama: 048-833-3296 One-stop Centre Rundingan bagi Warga Asing Hamamatsu: 053-458-1510 Laman web: <a href="http://www.immi-moj.go.jp/info/index.html">http://www.immi-moj.go.jp/info/index.html</a></li> </ul>	<p>Bagi pertanyaan melalui telefon atau datang sendiri untuk bertanya, selain bahasa Jepun perkhidmatan dalam bahasa-bahasa berikut juga disediakan. Perkhidmatan bahasa asing yang disediakan berbeza bergantung pada hari dalam minggu itu. Maka, sila rujuk laman web untuk maklumat selanjutnya.</p> <p><u>Shinjuku:</u> Bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Sepanyol, bahasa Bangla, bahasa Vietnam, bahasa Indonesia</p> <p><u>Saitama:</u> Bahasa Inggeris, bahasa Portugis, bahasa Sepanyol, bahasa Cina, bahasa Korea, bahasa Tagalog, bahasa Thai, bahasa Vietnam</p> <p><u>Hamamatsu:</u> Bahasa Inggeris, bahasa Portugis, bahasa Sepanyol, bahasa Cina, bahasa Tagalog</p>

**Biro Imigresen, Kementerian Kehakiman** (mengenai sistem pengurusan menetap di Jepun yang baru)  
[http://www.immi-moj.go.jp/newimmiact\\_1/index.html](http://www.immi-moj.go.jp/newimmiact_1/index.html)

\*Versi dalam bahasa Inggeris, bahasa Cina (Ringkas dan Tradisional), bahasa Korea, bahasa Sepanyol, bahasa Portugis ada disediakan juga.

**Terjemahan: Universiti Bahasa Asing Tokyo (Tokyo University of Foreign Studies)**